


Jilid I
Bil. 60



Hari Isnin
10hb November, 1975

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6769]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6793]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 [Ruangan 6794]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 [Ruangan 6794]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 10hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).

- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).

- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

Yang Berhormat DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.N. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K.
(Ulu Langat).

- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.S.D.K., A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.P. (Sandakan).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M, K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, A.D.K., B.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MEMBEKUKAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG

1. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan samada pengumuman beliau tentang pembekuan setiap jawatan kosong di Jabatan-jabatan Kerajaan akan menjejaskan kecekapan kerja dan dengan demikian melambatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan membekukan jawatan-jawatan kosong tidak seharusnya menjejaskan kecekapan kerja di Jabatan-jabatan yang berkenaan ataupun membantutkan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Serentak dengan ini arahan telahpun dibuat supaya seluruh jabatan dan agensi Kerajaan bertindak segera mengkaji tenaga kerja yang ada untuk dipergunakan sebaik-baiknya bagi melaksanakan tugas-tugas yang penting dan utama. Dalam pada itu saya bersedia memberi kebenaran untuk mengisi jawatan-jawatan yang difikirkan sangat mustahak untuk sesuatu jabatan atau agensi kerajaan yang memerlukannya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bahawa kalau suatu jawatan yang telah dikosongkan selepas pengumuman pembekuan itu bolehkah Jabatan itu mengisi jawatan kosong itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jawatan yang semacam itu pun perlu mendapat kebenaran daripada saya juga.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa di dalam lima buah universiti kita biasanya pegawai-pegawai masuk berkhidmat di universiti, keluar daripada universiti dan keluar daripada negara kita, ini menyebab-

kan banyak jawatan-jawatan kosong dalam masa setahun. Oleh sebab itu, universiti perlu dan terpaksa mengisikan jawatan yang dikosongkan selepas pengumuman pembekuan dibuat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Ini kes yang khas untuk universiti.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jawapannya sama—rojokan.

TARAF SAMA BAGI PEKERJA WANITA

2. Tuan Mohd. Zahari bin Awang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa Kerajaan selama ini mengamalkan diskriminasi terhadap pekerja-pekerja wanita dan jika tidak, nyatakan sejauh manakah Kerajaan bersetuju dengan konsep taraf sama bagi wanita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar. Pekerja-pekerja wanita di dalam setengah-setengah perkhidmatan awam dan Badan-badan Berkanun menerima gaji dengan kadar yang sama seperti juga pekerja-pekerja lelaki. Begitu juga syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja di dalam sektor awam pun adalah sama di antara pekerja wanita dan pekerja lelaki. Malahan pekerja-pekerja wanita diberi kemudahan yang lebih seperti cuti sakit dan cuti tanpa gaji selama sehingga dua tahun untuk mengikuti suaminya yang bertugas dalam Perkhidmatan Kerajaan di luar negeri.

RANCANGAN RUKUN TETANGGA

3. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan selain daripada Rukun Tetangga yang telah dilancarkan oleh Kerajaan itu samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan "Kerahan Tenaga" memandang kepada keadaan Negara yang menghadapi ancaman Kominis dan jika ya, bila.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Rancangan Rukun Tetangga ini adalah memberi peluang yang penuh kepada rakyat untuk menolong Kerajaan bagi

menentang ancaman komunis dan juga anti-nasional. Masalah kerahan tenaga rakyat tidak dapat ditimbangkan pada masa ini oleh sebab Kerajaan adalah kekurangan wang.

ANCAMAN KESELAMATAN NEGARA OLEH PENGGANAS KOMINIS

4. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa jika Kerajaan hendak mengatasi masalah komunis di tanah air, Kerajaan perlu mendapat sokongan daripada semua rakyat di Malaysia; jika sedar, apakah langkah yang telah diambil untuk mencapai tujuan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum bahawa ancaman terhadap keselamatan negara samada dari pihak pengganas komunis ataupun anasir-anasir anti-nasional adalah masalah yang perlu dihadapi bersama oleh Kerajaan dan juga rakyat. Seperti yang seringkali saya katakan, rakyat hendaklah memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan. Langkah-langkah telahpun diambil untuk memberi rakyat peluang menunjukkan taat setia sambil berbakti kepada negara melalui RELA dan Rukun Tetangga. Sementara itu rancangan-rancangan pembangunan terus dijalankan untuk kemajuan rakyat supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

Di samping itu juga semua rakyat yang taat setia kepada negara sewajarnya memberi kerjasama sepenuh kepada Kerajaan untuk mengatasi masalah komunis ini dan tidak semata-mata menunggu usaha-usaha dari Kerajaan sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa ancaman di tanah air kita yang disebutkan oleh beliau ialah terdiri daripada komunis dan mereka mengancam keselamatan tanah air oleh sebab keadaan sosio-ekonomik di tanah air kita. Misalnya, pembahagian harta (wealth) di dalam tanah air kita tidak seimbang antara orang yang kaya dengan orang yang tidak. Misalnya, jika

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal tambahannya apa? Jangan banyak misalnya. Panjang sangat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar keadaan sosio-ekonomik ialah perkara yang paling penting terhadap ancaman daripada komunis atau pengganas. Oleh itu, kalau sekiranya Kerajaan tidak membuat rancangan untuk mengatasi itu kita tidak boleh mengatasi ancaman daripada komunis ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah satu daripada sebabnya dan dengan sebab itulah Kerajaan menjalankan rancangan pembangunan dengan cara besar-besaran, rancangan-rancangan rasaksa dijalankan di bawah Dasar Ekonomi Baru untuk membina satu masyarakat yang lebih adil dan sempurna di negara kita ini.

KERUSI PARLIMEN BAGI NEGERI SABAH

5. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang menambah bilangan kerusi di Dewan Rakyat bagi Ahli-ahli Parlimen dari Sabah. Jika ya, berapa kerusikah yang Kerajaan cadangkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang pada masa ini untuk menambah bilangan Kerusi Parlimen bagi Negeri Sabah. Ahli Yang Berhormat tentulah ingat pembahagian kawasan pilihanraya baharu sahaja disemak pada tahun yang lalu dan mengikut peruntukan Perlembagaan kawasan pilihanraya ini hanya akan disemak semula dalam masa 8 hingga 10 tahun lagi.

ANTI-RASUAH—GERAKAN

6. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan, memandang gejala keburukan rasuah terhadap negara adalah sama beratnya dengan perbuatan-perbuatan jenayah, anti kebangsaan, kejahatan komunis, penyalahgunaan dadah dan lain-lain perbuatan yang merosak dan memburukkan keadaan negara, samada Kerajaan bercadang mengadakan gerakan anti rasuah secara besar-besaran bukan sahaja di kalangan kakitangan Kerajaan atau badan-badan berkanun bahkan terhadap semua lapisan rakyat di semua peringkat dengan tidak mengenal bulu supaya perbuatan rasuah yang terkutuk itu dapat dibasmikan di negara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah jawab kepada soalan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 5-11-75 iaitu pihak B.S.N. sedang menjalankan berbagai-bagai langkah untuk mencegah perbuatan rasuah seperti mengadakan pemeriksaan mengejut di Jabatan-jabatan Kerajaan yang dijalankan oleh B.S.N. khasnya Jabatan-jabatan yang berdamping dengan rakyat dan juga B.S.N. ada mengadakan courses melalui syarahan-syarahan untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan dan pegawai-pegawai Kerajaan.

Dari bulan Januari, 1975 hingga September sebanyak 120 syarahan telah dibuat oleh B.S.N. yang dihadiri oleh pegawai-pegawai Kerajaan bagi semua peringkat berjumlah lebih kurang 5,046 orang. Jadi langkah-langkah yang lain yang menyeluruh termasuk kempen besar-besaran akan ditimbulkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan keadaan yang didapati.

PEMBESARAN BANGUNAN LAPANGAN TERBANG KUALA LUMPUR

7. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menerangkan langkah-langkah dan rancangan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian beliau untuk melengkapkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dengan alat-alat moden bagi menentukan keselamatan dan kemudahan penumpang-penumpang seimbang dengan keadaan dan taraf sebuah lapangan terbang antarabangsa.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, penumpang-penumpang yang naik dan turun kapal terbang adalah dikawal oleh kakitangan syarikat penerbangan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu untuk keselamatan. Rekabentuk bagi pembesaran dan tambahan kemudahan bagi kompleks bangunan Lapangan Terbang Kuala Lumpur telah disiapkan sekarang. Rekabentuk ini adalah termasuk "Air Bridges, Transfer Corridors" termasuk pusat pemeriksaan bagi memperketatkan lagi kawalan keselamatan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan sedar bahawa ada beberapa kekurangan alat seumpamanya mobile landing

steps yang telah sebegini kian lama tidak dilengkapkan dan kalau sedar bilakah alat-alat seperti itu dapat dilengkapkan?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Itu akan dilengkapkan bila pembesaran lapangan terbang ini dimulakan.

L.P.N.—STOK SIMPANAN BERAS

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan:

- (a) samada stok simpanan beras mencukupi untuk menghadapi banjir dan lain-lain malapetaka yang mungkin dihadapi oleh Negara kita tahun ini;
- (b) apakah usaha L.P.N. bagi mencapai matlamat ini;
- (c) banyaknya beras yang dibekalkan oleh L.P.N. sebagai persediaan menghadapi banjir untuk tiap-tiap Negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah menjadi salah satu objektif L.P.N. seperti yang diperuntukkan di dalam Aktanya untuk memastikan bahawa bekalan beras yang mencukupi di negara ini bagi menghadapi sebarang keadaan kecemasan.
- (b) Untuk mencapai matlamat simpanan beras supaya mencukupi bagi menghadapi banjir L.P.N. telah mengadakan stok simpanan berasnya di merata tempat di seluruh negara termasuk di tempat-tempat yang selalu dihadapi banjir. L.P.N. juga telah membuat perhubungan dan persiapan dengan Jawatankuasa Banjir di Negeri-negeri tentang keperluan beras jika berlaku banjir.
- (c) Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa simpanan beras adalah mencukupi bagi menghadapi banjir dan lain-lain malapetaka yang mungkin didapati tahun ini bagi tiap-tiap Negeri di Semenanjung Malaysia dan juga di Sarawak. Bagi Negeri Sabah, saya percaya Lembaga Padi dan Beras Sabah sudah pun mengambil tindakan yang sama.

LETUPAN BOM DI TUGU PER- INGATAN NEGARA/MARKAS BRIGADE POLIS HUTAN

9. Tuan Chian Hong Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah orang ditahan selepas berlakunya kejadian letupan bom ke atas Tugu Peringatan Negara dan Markas Brigade Polis Hutan, Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur baru-baru ini, jumlah yang sudah dilepaskan dan samada siasatan di dalam kedua-dua kejadian yang tersebut di atas ini telahpun selesai.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis telah menangkap untuk disoal-selidik beberapa orang yang disyaki bertanggungjawab di atas kedua-dua kejadian tersebut dan siasatan di dalam kedua-dua kejadian itu masih diteruskan lagi.

IJAZAH KOLEJ PERGIGIAN DI INDIA

10. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) samada sebarang Kolej Pelajaran Pergigian di India telah ditaksirkan untuk pengiktirafan Ijazah-ijazah yang dikeluarkan oleh mereka;
- (ii) apa sebabnya tiada sebuah Kolej Pergigian pun di India yang diiktirafkan sehingga ini walhal Kolej-kolej di negara-negara yang disebutkan di bawah telah diiktirafkan:
 - (1) Pakistan;
 - (2) Indonesia;
 - (3) Egypt.
- (iii) samada beliau berpendapat bahawa semua Kolej Pergigian di India rendah tarafnya jika dibandingkan dengan Kolej-kolej di negara-negara yang tersebut di atas; dan
- (iv) apakah tindakan yang beliau bercadang untuk mengatasi kedudukan ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua;

- (i) Tiada.
- (ii) Ijazah-ijazah dalam pembedahan gigi dari kolej-kolej pergigian di India tidak diiktirafkan oleh kerana penilaian yang teliti tidak dibuat ke atas taraf-taraf

mereka. Penilaian seperti ini telah dijalankan bagi ijazah-ijazah pergigian dari Indonesia. Di Pakistan 3 buah Kolej Pergigian dan di Egypt 5 buah telah diiktirafkan. Kerajaan kita telah dan masih mengambil doktor-doktor gigi daripada Pakistan dan Egypt secara kontrek selepas persetujuan dibuat di antara Kerajaan-kerajaan Pakistan dan Egypt dengan Kerajaan kita. Lagi pun, penilaian secara teliti telahpun dijalankan ke atas ijazah-ijazah pergigian dari kedua-dua negara itu, berdasarkan kepada kajian kurikulum-kurikulum, rancangan-rancangan mengajar, kemudahan-kemudahan mengajar, dan bilangan tenaga pengajar serta kelulusan-kelulusan mereka.

- (iii) Saya tidak menganggap bahawa semua Kolej-kolej Pergigian di India lebih rendah tarafnya dari Kolej-kolej Pergigian di Pakistan, Indonesia dan Egypt. Akan tetapi, sehingga penilaian ke atas semua Kolej-kolej Pergigian di negeri-negeri yang berkenaan dibuat, saya tidak dapat menyatakan manamana kolej di India yang sama tarafnya dengan Kolej-kolej Pergigian di tiga buah negara yang disebutkan.
- (iv) Kerajaan tidak dapat melawat dan menilai semua Kolej-kolej Pergigian di India di waktu ini kerana kekurangan kakitangan, masa dan perbelanjaan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, berapa buah kolejkah di India yang telah dinilai? Jika Kementerian dapat menilai lebih daripada 40 buah kolej di Amerika Syarikat dan lebih 10 buah di United Kingdom, apakah yang menghalang Kementerian untuk menilai sebuah kolej di India?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan itu dalam perkara (iv).

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham jawapan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi sudah dijawab.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah "tidak buat apa-apa jua

penilaian kerana kakitangan tidak cukup", seperti yang dikehendaki oleh soalan ini. Soalan saya jika Kementerian ada tenaga dan masa untuk menilaikan lebih daripada 40 buah kolej di Amerika Syarikat, apakah kekurangan yang menghalang untuk menilai sebuah kolej di India?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu termasuk dalam Standing Orders 24 (4) iaitu sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas. Dalam bahasa Inggeris berbunyi: "a question shall not be made as a pretext for a debate". Soalan tambahan yang lain boleh.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya berapa buah kolejkah di India yang telah dinilai?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak mengapa, boleh disoal.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Saya minta notis sebab soalan asal tidak ada. Ahli Yang Berhormat itu minta apa sebab-sebabnya, beliau tidak bertanya berapa buah kolej.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan 10 (iv) meminta apakah cadangan Kementerian untuk mengatasi kekurangan yang saya sebutkan dalam soalan ini dan saya fikir itulah yang menjadi asas untuk Timbalan Menteri mendapat tahu kedudukan yang sebenarnya, tidak bolehlah dikatakan bahawa itu soalan yang lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Menurut Peraturan Mesyuarat 23 (4) kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak hendak menjawab pun tidak mengapa. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu menjawabkah?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

SENJATAPI DIGUNAKAN OLEH PENJENAYAH

11. Tuan James Stephen Tibok (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa penjenayahan dengan menggunakan senjatapi telah bertambah dan jika ya, langkah-langkah tegas serta undang-

undang keras supaya mengurang kes-kes jenayah dan untuk memastikan keselamatan orang awam.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang seakan-akan ini telah saya beri di sidang Dewan ini pada bulan Julai tahun ini.

Pihak Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang berat terhadap kejadian-kejadian rompakan, pembunuhan dan lain-lain bentuk jenayah terutama yang menggunakan senjatapi. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kerajaan telah pun menguatkuasakan Undang-undang baharu Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971. Saya percaya dengan adanya Undang-undang ini pemilikan dan penggunaan senjatapi secara haram, juga kegiatan-kegiatan jenayah yang lain adalah dapat dibanteras.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut bilangan senjatapi-senjatapi yang dapat dirampas bagi tahun 1973 dan 1974 serta sehingga akhir bulan September, 1975:

1973	1974	September, 1975
145	170	167

Semenjak 3hb September, 1975 selepas pelembaran bom di Pengkalan Pasukan Polis Hutan di Jalan Pekeliling, pihak polis telah memperhebatkan rondaan dengan menggunakan anggota-anggota Pasukan Simpanan Polis Persekutuan, Pasukan Polis Hutan dan juga Yunit Tindakan Khas. Kerajaan juga telah menguatkuasakan Undang-undang Keselamatan (Regulations, 1975). Langkah-langkah ini semuanya bertujuan untuk membanteras kejadian-kejadian jenayah dan setakat ini kejadian-kejadian jenayah telah berkurangan sebanyak 30%. Oleh itu, bagi memastikan lagi kejayaannya sukaiah saya merayu kepada rakyat untuk bersama-sama dengan Kerajaan memerangi anasir-anasir jahat ini demi ketenteraman negara.

UDA MELAKSANAKAN PROJEK PEMBANGUNAN BANDAR

12. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan samada beliau akan menimbang minda peruntukan-peruntukan tertentu peraturan-peraturan UDA untuk membolehkan

ianya meluas aktiviti-aktivitinya ke kawasan-kawasan luar bandar supaya dapat memberi faedah kepada anak-anak bumiputra di luar bandar dan pekan-pekan kecil.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, UDA adalah satu Perbadanan yang ditubuhkan dengan tujuan melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan bandar dan merupakan sebagai salah satu matlamat Kerajaan menyusun semula masyarakat yang sebahagian besarnya di bidang pertanian kepada satu masyarakat moden yang meliputi seluruh kegiatan ekonomi moden dan yang tidak terbahagi kepada garis-garis perkauman. UDA menumpukan aktivitinya kepada bandar-bandar sahaja oleh kerana memandangkan adanya agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti MARA dan Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri yang ditugaskan menjalankan usaha-usaha pembangunan di pekan-pekan kecil dan di luar-luar bandar. Maka oleh sebab itu, pada masa ini, dirasakan tidaklah perlu Akta UDA ini dipinda bagi meluaskan aktivitinya di kawasan luar bandar.

MATA-PELAJARAN BAHASA INGGERIS MEROSOT

13. Tuan Patrick Anek Uren (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar yang mutu pengajian mata-pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Kebangsaan kian merosot; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedang mengawasi keadaan untuk pengajian bahasa Inggeris dan beberapa penyelidikan sedang dijalankan untuk menentukan samada mutu itu merosot ataupun sebaliknya. Keputusan peperiksaan beberapa tahun yang lepas tidak menunjukkan kemerosotan yang membimbangkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sedang dan akan mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki lagi pengajian bahasa Inggeris untuk menjaga mutu pengajian. Perlu ditegaskan di sini bahawa penguasaan bahasa Inggeris tidak dikehendaki menjadi sama dengan penguasaan Bahasa Malaysia.

Satu hakikat mesti diinsafkan dan menyedari juga iaitu bahasa Inggeris cuma dijadikan bahasa yang kedua di dalam negara kita ini. Bagi kebanyakan murid mereka dikehendaki cuba memahami bahasa yang mudah sahaja dan tidak penting sehingga mereka boleh berucap dan berdebat dalam bahasa Inggeris tetapi akan ada segolongan yang dikehendaki menguasai bahasa Inggeris betul-betul kerana tugas mereka memaksa kegunaan bahasa Inggeris. Dengan penguasaan bahasa yang mudah di sekolah, mereka akan dapat melengkapkan diri mereka dengan menuntut bahasa Inggeris dengan mendalam di waktu menjalankan pelajaran dan lain-lain latihan.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, pada satu lawatan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran ke Negeri Sarawak beliau telah berkata bahawa English sebagai matapelajaran dikurangkan masanya supaya digantikan dengan Bahasa Kebangsaan. Adakah ini menunjukkan sikap baharu daripada Kerajaan terhadap matapelajaran bahasa Inggeris di Sarawak? Ataupun adakah ini memandangkan pertukaran sikap Kerajaan daripada masa yang sudah?

Tuan Chan Siang Sun: Sila Ahli Yang Berhormat ulang sekali lagi soalan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi.

Tuan Patrick Anek Uren: Pada satu lawatan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran ke Negeri Sarawak yang lepas, beliau telah berkata—saya minta izin menggunakan bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua. During the last visit of the Honourable Minister of Education to Sarawak, he

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa sebab hendak minta izin menggunakan bahasa Inggeris? Saya ingat Yang Berhormat hendak baca quotation. Kalau quotation boleh, tetapi selain daripada itu hendaklah gunakan Bahasa Malaysia.

Tuan Patrick Anek Uren: Dalam lawatannya Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah berkata, bahawa di Negeri Sarawak

kebanyakan murid-murid sekolah patutlah belajar Bahasa Kebangsaan, dan jika boleh tidak payah melanjutkan pelajaran bahasa Inggeris. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini merupakan satu pertukaran sikap ataupun dasar Pelajaran terhadap negeri Sarawak?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu memanglah menjadi dasar Kementerian Pelajaran.

BEKALAN AIR DI LUAR BANDAR

14. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar banyak pemohon-pemohon untuk bekalan air di kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali di kawasan Hilir Perak telah gagal dalam permohonan mereka, jika ya, nyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil untuk melayan semua permohonan-permohonan;
- (b) bilangan permohonan yang diterima; dan
- (c) bilangan permohonan-permohonan yang masih lagi belum diproses dan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar. Saya telah diberitahu bahawa sebab utama Kerajaan Negeri Perak tidak dapat melayani kesemua permohonan-permohonan untuk bekalan air termasuk kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah oleh sebab peruntukan tahunan yang terhad. Sejumlah sebanyak 5,644 permohonan telah diterima untuk menyambungkan bekalan air sejak rancangan ini dibuka dalam tahun 1971 seluruh negeri Perak. Jumlah permohonan yang belum diproses ialah sebanyak 574 atas sebab kekurangan peruntukan sebagaimana telah saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun, permohonan-permohonan ini akan ditimbang dalam tahun 1976 oleh negeri Perak. Oleh sebab perkara ini adalah tanggungjawab Kerajaan negeri Perak, jika Ahli Yang Berhormat ingin mengambil tahu tentang perincian yang lebih lanjut lagi, saya minta beliau berhubung dengan Kerajaan Negeri Perak.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan dalam jawapannya bahawa kegagalan untuk melaksanakan bekalan air adalah kerana peruntukan tidak cukup. Setakat mana kebenaran pula yang boleh diterangkan oleh Timbalan Menteri kerana atas keterangan-keterangan yang diberi oleh pegawai-pegawai tinggi di Jabatan Kerja Raya menyatakan bahawa kegagalan ialah kerana kekurangan alat-alat.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir teguran itu kurang benar. Jika benar, saya suka tahu lebih lanjut lagi siapakah pegawai yang telah memberi tahu maklumat itu dan saya akan check.

LAPANGAN TERBANG ANTARA-BANGSA KUALA LUMPUR—DARJAH KEBISINGAN

15. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa Lapangan terbang Antarabangsa Subang sangat bising oleh kerana ketiadaan dinding penahan bunyi dan di kantin bunyi sangat bising sehingga kita hendak bercakap antara satu sama lain pun tidak boleh dengar, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi perkara ini; dan
- (b) adakah suatu dinding penahan bunyi akan didirikan memandangkan bahawa ramai penumpang-penumpang biasanya menunggu masa bertolak di restoran ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur akan diperbesarkan sesuai dengan perkembangan dan kemajuan negara kita. Pelan rekabentuk yang lengkap bagi pembaharuan Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah juga mengambilkira faktor-faktor berkenaan dengan darjah kebisingan dan bagi mengawalinya. Bilik Persinggahan akan dibina berhadapan dengan restoran dalam bangunan ini dan ia akan dapat mengawal atau menghalang bunyi-bunyi bising. Bagi masa hadapan pesawat-pesawat kapalterbang yang mendarat menuju ke bangunan terminal dengan kuasa injinnya sendiri akan diletakkan menghadap ke bangunan itu, dan ia akan

ditolak dengan jentolak (jentera tolak) supaya dapat bunyi bising injin pesawat-pesawat itu dikurangkan semasa ia masuk dan keluar dari tempat letak kapal terbang.

UNDANG-UNDANG BURUH

16. Tuan Chiang Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada ikhtiar dan kemajuan telah dibuat untuk mengkaji semula dan mengemas-kinikan Undang-undang Buruh dalam negeri ini seperti yang telah dibayangkan oleh Menteri sebelum ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam) Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya adalah sentiasa mengkaji semula Undang-undang Buruh negara ini dan jika difikirkan perlu, pindaan adalah dibuat untuk menyesuaikan dan mengemas-kinikannya sejajar dengan suasana dan keperluan negara ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, dalam persidangan Dewan ini pada bulan April yang lalu Kementerian saya telah mengemukakan kepada Dewan ini Rang Undang-undang bagi meminda peruntukan-peruntukan yang tertentu di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Rang Undang-undang tersebut telahpun menjadi undang-undang iaitu Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan), 1975 yang berkuatkuasa mulai pada 1hb Ogos, 1975.

Mengenai Ordinan Pekerjaan, 1955 dan Ordinance Pampasan Pekerja-pekerja, 1952 pula, Kementerian saya sedang mengkaji semula dengan perundingan yang sama dengan pihak-pihak majikan dan pekerja.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan sedar, Dr P. P. Narayanan apabila beliau balik baharu-baharu ini daripada luar negeri beliau telah menyatakan masa sekarang perlu Kerajaan meminda dan membatalkan beberapa Rang Undang-undang Buruh yang tidak sesuai untuk pekerja-pekerja di tanahair kita. Untuk makluman Setiausaha Parlimen yang berkenaan, Dr P. P. Narayanan ialah Presiden M.T.U.C. yang baru-baru ini telah dipilih sebagai

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan. Soalan Yang Berhormat itu panjang sangat. Itulah sebabnya Yang Berhormat Menteri selalu tidak dapat menjawab.

Dr Tan Chee Khoon: Dr P. P. Narayanan baru-baru ini telah dipilih sebagai President of I.C.F.T.U. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar iaitu seorang pemimpin yang masyhor tidak puas hati tentang Undang-undang Buruh di Tanahair kita?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa? Dia tidak puas hati?

Dr Tan Chee Khoon: Dr P. P. Narayanan apabila tiba di Lapangan Terbang Subang hari Sabtu beliau menyatakan masa untuk meminda dan membatalkan Undang-undang Buruh yang tidak sesuai itu telah tiba.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat itu bertanya kalau saya sedar, jawapannya saya sedar (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bertanya sedar atau tidak. Dia jawab sedar, dia sudah baca.

Dr Tan Chee Khoon: Dia kata sedar. (*Ketawa*) Kalau beliau sedar, apakah tindakan yang beliau atau Menteriannya akan ambil terhadap

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar dulu, yang dia sedar itu apa?

Dr Tan Chee Khoon: Sedar tentang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Duduk dulu (*Kepada Dr Tan Chee Khoon*) bila Yang di-Pertua bercakap! Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata sedar ialah tentang kenyataan itu sahaja. Sekarang hendak tanya apa lagi?

Dr Tan Chee Khoon: Beliau telah menyatakan bahawa beliau sedar apa yang dikatakan oleh Dr P. P. Narayanan tentang meminda dan membatalkan Rang Undang-undang Buruh. Soalan tambahan saya ialah kalau Setiausaha Parlimen sedar apa yang dikatakan oleh Dr P. P. Narayanan itu. Apa tindakan Kementerian atau beliau sendiri akan ambil terhadap cadangan yang dibuat oleh Dr P. P. Narayanan itu

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Dr P. P. Narayanan memberi kenyataan secara umum sahaja dan tidak menyatakan satu-satu peruntukan yang tertentu. Oleh sebab itu, Kementerian saya tidak boleh ambil apa-apa tindakan.

PERKAMPUNGAN RUMAH-RUMAH HARGA MURAH

17. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan apakah rupa bentuk bantuan pihak Kementerian beri kepada sebarang badan swasta/awam yang hendak mendirikan perkampungan rumah-rumah harga murah untuk menolong rakyat miskin memiliki rumah-rumah sendiri dan juga menyelesaikan masalah menyewa rumah.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat tidak ada peraturan tertentu untuk memberi bantuan secara langsung kepada badan swasta/awam yang hendak mendirikan perkampungan rumah-rumah harga murah bagi golongan yang berpendapatan rendah, melainkan melalui syarikat-syarikat kerjasama perumahan yang tertentu sahaja.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengadakan satu rancangan di bawah Kumpulan Wang Pusingan di mana beberapa pihak tertentu dari sektor swasta boleh mendapatkan bantuan secara tidak langsung bagi mengatasi kekurangan perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah, yang menjadi sebahagian daripada pertubuhan-pertubuhan mereka. Sebagai contoh, satu daripada sekim-sekim yang termasuk di bawah Kumpulan Wang Pusingan ini adalah untuk membiayai perumahan bagi pekerja-pekerja estet, tetapi estet-estet tempat mereka bekerja itu mestilah memberi tanah untuk perlaksanaan sekim itu.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung di dalam bentuk bantuan dan penye-larasan yang dibuat oleh Kementerian ini kepada pembangunan rumah-rumah harga murah di luar bandar tolong nyatakan bagaimanakah perhubungan dibuat antara

Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kemen-terian dan adakah pihak Kementerian sangat berpuas hati di atas kejayaan-kejayaan yang didapati dalam masaalah ini sehingga saat ini.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pembinaan rumah-rumah murah yang dijalankan se-hingga masa ini ialah berdasarkan kepada permintaan-permintaan yang diterima dari-pada Kerajaan-kerajaan Negeri, iaitu Kera-jaan Negeri memohon peruntukan pinjaman daripada pihak Kerajaan Pusat menerusi peruntukan inilah pembinaan rancangan-rancangan perumahan itu dilaksanakan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat samada Kementerian ini berpuas hati atau tidak ini adalah satu soalan lain.

BAHAN PENERANGAN KEDUTAAN REPUBLIK DEMOKRATIK KOREA/ REPUBLIK RAKYAT CHINA

18. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar atau tidak bahawa penerima-penerima bahan-bahan penerangan, surat-menyurat ataupun buletin-buletin dari Kedutaan Republik Demokratik Korea dan Republik Rakyat China telah dihubungi oleh Cawangan Khas supaya bahan-bahan tersebut diserahkan; dan nyatakan Kedutaan-ke-dutaan lain yang diberi layanan seperti itu oleh Cawangan Khas; dan samada beliau akan mengarahkan pihak Cawangan Khas memberhentikan campur tangannya di dalam hal kebebasan mel Kedutaan-ke-dutaan tersebut kerana layanan-layanan per-bezaan (discriminatory) seperti ini tidak boleh menggalakkan perhubungan per-sahabatan dan muhibbah di antara Malay-sia dengan negara-negara yang diwakili oleh Kedutaan-kedutaan tersebut.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diminta serahkan sebenarnya oleh pihak Cawangan Khas ialah bahan-bahan propaganda yang telah diberi-kan oleh kedua-dua Kedutaan ini kepada mereka kerana menyalahi undang-undang negara. Semua Kedutaan-kedutaan telah di-beritahu akan keperluan mematuhi kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta Mesin Citak, 1948 berhubung percetakan dan pe-nerbitan bahan-bahan penerangan. Surat-surat berita, buletin dan apa-apa juga jenis

penerbitan di negeri ini dan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Kawalan Penerbitan Yang Diimpot, 1958.

Berhubung dengan kemasukan dan pengedaran penerbitan-penerbitan termasuklah penerbitan-penerbitan rasmi yang diimpot oleh kedutaan-kedutaan asing untuk diedarkan kepada orang ramai dalam negara ini. Pihak Polis adalah bertindak sama untuk kedutaan-kedutaan lain yang juga dan adalah tertakluk kepada kuasa yang diberi di bawah Akta Mesin Cetak, 1958 itu dan Akta Kawalan Penerbitan Yang Diimpot 1958 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1970. Tindakan-tindakan ini tidak mengganggu kebebasan mel-mel kedutaan yang berkenaan dan juga tidak dengan secara diskriminasi ditunjukkan kepada sesebuah negara tertentu.

PEMBEKUAN JAWATAN KOSONG

19. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan samada selepas pengisytiharan pembekuan jawatan sesuatu jawatan itu menjadi kosong (umpamanya melalui perletakan jawatan) samada jawatan kosong tersebut boleh diisikan; jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan ini pada masa saya menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sebentar tadi. Iaitu jawatan yang telah dikosongkan oleh sebab perletakan jawatan sama juga dengan jawatan-jawatan kosong yang lain, perlulah agensi Kerajaan membuat permintaan untuk dipertimbangkan bagi mengisi jawatan itu asalkan ada sebab-sebab yang mustahak, permintaan itu bolehlah dipertimbangkan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah bertanya dan saya akan bertanya sekali lagi adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar kelima-lima universiti kita boleh dikatakan kes khas, oleh sebab ada pegawai-pegawai yang meletakkan jawatannya, kalau sekiranya universiti tersebut tidak ada kuasa untuk mengisi kekosongan-kekosongan yang timbul selepas pengumuman pembekuan itu, maka universiti tersebut tidak boleh dijalankan tugasnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini diulang lagi. (*Kepada Dr Tan Chee Khoon*) Mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (d), antara lain mengatakan, sesuatu pertanyaan yang sudah dijawab itu tidak boleh dibangkitkan lagi. Apa yang tidak puas hati?

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak memberitahu, Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu universiti-universiti kita boleh dikira sebagai kes khas disebabkan ramai pegawai-pegawai yang meletakkan jawatan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu sesuatu jawatan yang kosong sama juga hendaklah dirujuk kepada pihak Kerajaan. Itulah jawapannya, apa yang hendak ditanyakan lagi. Nampaknya muka Yang Berhormat ada yang dimuskilkan lagi, barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suka hendak menjawab lagi.

Perdana Menteri: Kebenaran boleh diberi dengan serta-merta kalau pihak universiti dapat menerangkan yang jawatan-jawatan itu perlu, tetapi kita tidak bolehlah hendak beri kuasa kepada mana-mana agensi mengisi jawatan-jawatan ini.

ANGKATAN TENTERA—PEGAWAI YANG BERHENTI

20. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan pegawai-pegawai Angkatan Tentera yang telah berhenti dari berkhidmat semenjak tahun 1971;
- (b) sebab-sebab mereka itu berhenti berkhidmat dan samada Kerajaan telah menyiasat perkara ini dengan tujuan untuk memperbaiki keadaan ini; dan
In so far as public development expenditure is concerned after four/five year plans the level of expenditure remains high with no direct impact in so far as the people are concerned. They continue to remain poor. We are about to embark on the Third Malaysia Plan in a few month's time. I urge the Government to think again and genuinely do something about poverty. I make no apology for returning to the subject of the newly created statutory bodies. Pada tahun yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah sentuh tentang pembinaan bangunan yang begitu besar dan grandiose oleh beberapa badan-badan berkanun and I was accused by a Deputy Minister in the Prime Minister's Department as being a racist. I have since then refuted this false charge, for all my life I have never been a racist. Now we know that these statutory bodies that I have referred to last year have now been asked to prune down a number of their grandiose plans. This is,

proof, if proof is needed, that we can see ahead of many in either the Government Front or Backbenchers.

Tax Proposals for 1976

Cukai-cukai untuk tahun 1976, Tuan Yang di-Pertua. Let me state from the outset that the new tax proposals will hit the poor much harder than the rich. It is true that some attempt has been made to extract a little more from the higher middle income groups but unfortunately the higher income group and the business people have been severely left alone.

The income derived from the new impositions of direct tax is derisive, amounting to \$22 million, as I have pointed out, more out of a total of \$1,815 million from direct taxes for next year. However, half a loaf is better than no bread and I welcome any move in the direction of increasing direct taxes.

After more than a decade of constant and persistent calls by me to increase direct taxes, I note with some satisfaction that the present Minister of Finance has at long last paid some attention to changing the tax structure by increasing personal income tax rates for the rich tycoons and the higher income groups. It is better late than never, but it is better still to be never late to tax the rich more in this country.

Individual Income Tax

Tuan Yang di-Pertua, Cukai Pendapatan Persendirian. The Minister has rationalized the tax structure for chargeable income up to \$50,000. Rationalization ini, Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya bersetuju dan perlu dan pada pendapat saya perlu diusahakan, bukan untuk tahun yang akan datang tetapi beberapa tahun yang lalu. But why has the Minister also not taken the opportunity to slap on an increase of 5% on any chargeable in excess of \$50,000? Why should only any chargeable income in excess of \$75,000 attract this 5% imposition? Is the Minister afraid of a revolt amongst his colleagues in the Cabinet or amongst the Backbenchers or amongst the tycoons in the Barisan Government?

If the Minister really believes in progressivity then he should extend the individual income tax scale to beyond \$50,000 of chargeable income. Then why should the Corporation Tax be severely left

alone? Why should the Corporation Tax in this country be so sacrosanct to the Barisan Government?

Many of our companies have continued to declare fat dividends even in times of recession and inflation and it is but right that they should be made to contribute more to the public purse. Both these proposals of mine fit in with the concept of progressivity that the Minister has announced and depends on the ability to pay.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah ini patut, peniaga-peniaga dan tycoon-tycoon yang ada di tanahair kita, mereka mendapat pendapatannya daripada pekerja-pekerja di tanahair kita dan they should be made to know also that the workers of this country also look forward towards a richer and fuller life. Hence I call on the Minister of Finance not to be afraid of the tycoons and businessmen in this country but to make more radical changes in the tax structure, so that the rich in this country can be made to bear a fair share of the tax burden in this country.

The Real Property Gains Tax

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan yang baru-baru ini membawa cukai ini iaitu the Real Property Gains Tax ke Dewan ini. This tax has been described as dealing a death blow to speculators. I must sound a word of caution that speculators the world over are not so easily beaten. But I wish to ask the Minister why he has not taken the opportunity to re-introduce the Capital Gains Tax—go all the way instead of hitting a little here and there. I well remember that this was done by his predecessor but was withdrawn the next year on the lame excuse that the legislation was difficult to write up. This, of course, does not fool anyone for the former Minister of Finance had a number of models to choose from and he could easily have written up such a legislation, but the truth is that the rich tycoons in the Alliance Party then did not want the Minister of Finance to legislate away their wealth.

There are two observations that I want to make on this Real Property Gains Tax. First, why should the market value of the property as at 1-1-70 be used as the purchase consideration? This will benefit the big property owners who bought their properties

long before 1970 for a song. Ini ialah satu contoh yang mana Menteri Kewangan membela nasib orang yang kaya di tanahair kita. Next the revenue from this source is expected to be \$10 million. I submit, Mr Speaker, Sir, that the revenue from this source has been under-estimated, and I think that if the properties that change hands amount to, let us say three hundred, four hundred or five hundred million dollars, that is not too difficult. A big building like the U.M.B.C., if it changes hands, will amount to more than \$100 million and the Treasury may well get perhaps \$20 million from that source alone. Therefore, I venture to say, and I hope when the tax gathered from this source is calculated next year, I dare say that the tax from the Real Property Gains Tax will be doubled or trebled.

Bonus payment, Mr Speaker, Sir. Saya juga merayu cadangan daripada Menteri Kewangan tentang bonus. Pada masa sekarang there is a revision of payment of bonus to a limitation of \$1,000 or twelfthths of the wages or salaries paid to each employee, whichever is the greater. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya seorang pekerja pendapatnya seumpamanya \$250 beliau boleh dapat 4 bulan bonus jika majikan bersetuju atas cadangan itu.

Surtax Increase of 1%

Mr Speaker, Sir, I have already expressed my serious concern over the increase of surtax. This increase is bound to be inflationary as the businessman or the retailer will undoubtedly use this opportunity to increase the prices of his goods more than in proportionate terms. This increase too will have a spiralling effect and we will have an increase of prices all round. It is the spiralling effect, Mr Speaker Sir, that is so very dangerous. Things that have nothing to do with the surtax, local fruits for example, which are not imported—but they will say they too attract the 1% increase from 4%—5% and they will say to the ignorant housewife, “Inipun terdapat cukai surtax 1%,” and so it increases. This is an abuse which is very real and which unfortunately the Minister and the Treasury officials have not taken account of. It is most unfortunate that the Minister does not appear to have learnt the lessons of the past. We have about managed to check rapid inflation and by the Minister's own admission 1976 will continue

to pose the danger of inflation in the world with us importing inflation from abroad. I, therefore, fail to see why the Minister has deliberately chosen a tax measure which will cause prices to increase.

Import duties.

These import duties are designed to hit the rich who will have to buy luxury goods. Unfortunately, the poor too are caught in the net. Thus watches, clocks, radios, etc. are no longer luxuries but are necessities of life, particularly to the people in the rural areas. After all, the people in the rural areas, Mr Speaker, Sir, mereka pun mahu satu jam yang bernilai murah seperti \$20, \$30 atau jam di rumah atau transistor yang kecil sekarang. Tuan Yang di-Pertua, itu kena cukai pula. Ini bukanlah luxury, benda ini semua perlu dan yang dikehendaki oleh rakyat di luar bandar juga mahu pun di bandar. All these import duties will attract \$38 million and these two taxes will collect \$88 million or 81% of the \$108 million from the new taxes that the Minister hopes to collect next year. The Minister has given the impression of hitting the rich, but in reality he has hit hard at the poor as they will contribute a much greater part of the \$108 million from the new taxes that he hopes to collect.

Mr Speaker, Sir, the people of this country will not be fooled by all these. Had the Minister really wished to lighten the burden of the lower income groups, he should have raised the exemption limit for personal income tax from \$2,000 to, say, \$3,000 or even \$3,500. This will make sense to those in the lower income groups, the labourers, the clerks, the salesmen who are fighting an increasingly difficult battle to cope with inflation and pay income tax as well from their meagre earnings.

Overall Deficit

Tuan Yang di-Pertua, the deficit on the ordinary expenditure, ialah \$190 juta tetapi oleh sebab kita boleh dapat pendapatan sebanyak \$108 juta daripada cukai-cukai baharu, maka kekurangan untuk tahun akan datang ialah, it will be in the region of \$82 million. Tetapi, ini tidak kira, atau this deficit does not take into account the following items:

Perbelanjaan Tambahan untuk Keselamatan dan Pertahanan (Security and Defence Forces)

Perbelanjaan untuk Bonus 13 bulan gaji.

Perbelanjaan untuk subsidi pada tahun depan sebanyak \$188 juta, \$88 juta untuk beras dan \$50 juta untuk urea.

Tidak ada peruntukan untuk jawatan yang baharu bagi tahun yang akan datang.

If cognizance is taken of these five items of expenditure, I venture to estimate that another \$700 million will be needed and this will mean that by the middle of next year the Minister will have to present a Mini Budget to take care of all the items that I have alluded to.

Public Debt and the Servicing of Public Debt

At the end of this year, Mr Speaker, Sir, the public debt is estimated to amount to \$11,224 million made up of domestic debt of \$8,844 million, external debt of \$2,380 million. Next year the Government is expected to borrow \$1,350 million from domestic sources and \$785 million from external borrowing making a total of \$2,135 million. This means, Mr Speaker, Sir, that the total public debt at the end of 1976 is expected to be \$13,359 million and the foreign element, where before it was small, is now expected to increase to \$2,320.6 million. There are three considerations which I wish to make in regard to our public debt.

First, while I agree that Malaysia still has the capacity to borrow more, especially from foreign sources, care must be taken to see that we do not increase the public debt with gay abandon and so saddle generations yet unborn with the debts which we incur today.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Next, we must borrow to finance our development programmes but every care must be taken to see that every dollar is well spent. Wakil dari Kuala Selangor tadi, Tuan Yang di-Pertua, telah menyebutkan beberapa juta ringgit telah dibuang ke dalam longkang atas nama pembangunan di tanahair kita. The Minister has himself admitted that sometimes high expenditure levels are unfortunately confused with achievement. I will go further and say that often high expenditure is synonymous or equated with development and so literally millions are often thrown down the drain.

Lastly, in view of the official foreign reserves which amounted to \$3,790 million, would it not be more prudent to run down some of our foreign reserves and borrow less from foreign sources? There is no reason why we should maintain such a high level of foreign reserves and at the same time borrow from abroad to the tune of \$785 million next year, for example. After all, our revenue from foreign reserves amount to \$50 million per year and we borrow at much higher rates than the revenue we get from the foreign reserves. The Minister would do well to consider this proposal of mine.

Debt Servicing

Mr Speaker, Sir, debt servicing has increased to an alarming extent. Thus, page 41, chart 15 of the Economic Report shows that in 1967 it was a little more than \$100 million, in 1975 it is \$683.7 million and next year it will amount to \$777.7 million. As a percentage of the operating expenditure it is as follows:

1974	...	...	...	...	11%
1975	...	...	...	...	13.7%
1976	...	...	...	...	14.36%

This means that for every dollar that we spent on the operating expenditure, 14.36 cent goes to debt servicing and the amount goes on increasing by leaps and bounds every year. Thus, the 1976 expenditure on debt servicing exceeds the 1975 figure by \$94 million and this is 12.6% of the total increase in expenditure as between 1975 and 1976.

The Minister does not seem to be concerned over this large chunk of our operating expenditure going to debt servicing. His predecessor, however, was seriously concerned and had in 1968 assured the House that he would invite a World Bank Mission to examine this problem for us. I wish to ask the Minister what action has he taken over this proposal of his predecessor? Clearly this state of affairs cannot go on and the sooner the World Bank or the I.M.F. are invited to study this problem, the better it is for the comfort of all of us.

Outlook for 1976

While urging caution and some reservations about the strength of the recovery, and rightly so, given the uncertainties, the

Treasury Report appears to be rather cavalier. An overall rate of growth of 6.2% in the G.N.P. is somewhat over optimistic. If the full economy recovery is not assured until the middle of next year, in particular it is difficult to envisage a growth of 9% in private investment during the year ahead, given the deterioration in the security and uncertainty about Government policies and the racial tension that still exists. Even if these dark clouds were not over-hanging, it is well-known that investment decisions suffer from time lags. For investment next year, decisions need to be taken during 1975 and in view of the dismal picture of 1975, few real decisions have been made by entrepreneurs. Therefore, the best that we can hope for in 1976 is the maintenance of the 1975 level of private investment.

Further, we must always bear in mind that there is always a time lag between recovery in the industrial countries and the effects reaching us. Generally speaking, there is a time lag of half a year to one year, and if there is an upturn in the economy of the industrialised countries by the middle of 1976, it will mean that the upturn of our economy will only take place at the end of 1976 or later.

Export growth of 9% is a most optimistic prediction. On the other hand, given the recent petroleum price hike, it is inevitable that imports will cost more, particularly with the rates of inflation continuing and the rich exporting countries of Europe, Japan, etc., having to pay more for their oil.

In view of all these, I would contend that recovery will be slower and we may get no more than a 4% to 5% growth in the G.N.P. next year. It is in this context that a mere 6% increase in public investment next year makes nonsense of the claim that the Budget is a dynamic and flexible tool and takes an anti-cyclical posture. Much more public investment will be needed, particularly for the poor, if the economy is, to quote the Minister, "to get out of the tunnel". In this sense the underlying economic policy of the 1976 Budget is weak and contradictory. A bolder approach is called for. I would urge the Minister to increase the level of development expenditure through the Third Malaysian Plan allocation for 1976 if he wishes to see rapid economic expansion directed at eradicating poverty.

This is what counter-cyclical policy means and not what the Treasury claims. It is no use pretending that just because Government spending is more than the private sector, this is a counter-cyclical policy.

Mr Speaker, Sir, the Minister has stated that we have seen the light but I venture to say that we have a long way to traverse before we get out of the tunnel.

5.41 ptg.

Tuan Ja'afar bin Hamzah (Johor Bahru): Tuan Yang di-Pertua, lebih dahulu saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan negara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 6 hari-bulan yang lalu. Saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan saya dari Barisan Nasional mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu Belanjawan yang begitu teliti dan dengan tidak menyusahkan sebilangan besar rakyat jelata yang berpendapatan rendah dan yang juga berpendapatan sederhana.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ini memang sewajarnya mendapat sambutan dari semua pihak dan peringkat. Pihak Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan benar-benar menyedari pada hakikatnya betapa penting dan mustahak untuk memikirkan sesuatu demi untuk kepentingan seluruh masyarakat yang ada dalam negara kita ini. Walaupun negara kita sedang menghadapi zaman inflasi dan kemerosotan ekonomi, namun pihak Kerajaan menerima dari gambaran-gambaran Belanjawan yang telah dapat membuktikan kedudukan ekonomi negara ini masih kukuh dan dapat dipertahankan dengan cara mencari jalan dan ikhtiar dari sumber-sumber yang dapat dirancang dengan begitu baik dengan mengenakan kenaikan cukai-cukai ke atas kereta-kereta impot, minyak wangi dan alat-alat solek serta lain-lain keperluan mewah yang hanya dapat diperlukan oleh orang-orang kaya yang hidup dengan mewah.

Tuan Yang di-Pertua, disamping itu dapat pula menitikberatkan keperluan rakyat sebagaimana yang saya katakan tadi rakyat yang berpendapatan rendah dan juga rakyat yang berpendapatan sederhana dengan secara langsung, maka Kerajaan akan dapat meneruskan kempen jimat-cermat kepada rakyat biasa sebagaimana kita sendiri sedia maklum. Saya berdoa kepada Tuhan muga-muga ekonomi negara akan berkembang maju di mana bahan-bahan mentah seperti getah, kelapa sawit, kayu-kayan dan lain-lain lagi bahan mentah akan mendapat pasarannya yang baik di kalangan negara-negara pengimpor bahan-bahan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat tertarik hati bahawa Belanjawan yang dibentangkan itu jelas memandangkan keselamatan negara selain daripada meninggikan mutu pelajaran kepada anak-anak ataupun murid-murid yang ingin belajar dan terus meninggikan pelajarannya untuk menjamin masa depan mereka daripada perkara-perkara lain. Dan saya percaya perkara inilah yang dikehendaki oleh rakyat bagi menjamin masa depan jenerasi-jenerasi kita kelak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Belanjawan negara ini, saya suka menyentuh beberapa perkara secara umum sahaja bagi beberapa Kementerian yang berkenaan.

Bercakap berkenaan keselamatan negara, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana telah memberikan perhatian yang serious terhadap keselamatan negara untuk menjamin keutuhan dan kedaulatan negara Malaysia dengan menyediakan satu peruntukkan yang besar selain daripada peruntukan di bawah Kementerian Pelajaran. Bagi menambahkan bilangan anggota-anggota pasukan keselamatan itu serta pula hendak menyediakan bagaimana yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dalam soal-jawab baru-baru sebentar tadi. Untuk menyediakan alatan moden bagi menghadapi sebarang ancaman negara, terutama sekali dari anasir-anasir subversif dan kominis yang senantiasa hendak menimbulkan satu keadaan huru-hara dan kacau-bilau di negara kita ini. Langkah Kerajaan itu telah

kena pada tempatnya, kerana memandangkan kepada keadaan negara pada masa ini diancam oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab dan yang tidak mahu melihat negara ini dan rakyatnya duduk di dalam keadaan aman dan damai serta berbaik-baik di antara satu sama lain. Golongan anasir subversif dan kominis ini mesti ditentang secara kekerasan juga dan dikenakan hukuman yang setimpal dengan perbuatannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membiarkan mereka mengambil sikap melampau. Kerajaan hendaklah jangan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap golongan yang saya fikirkan terlalu kecil. Kerajaan selama ini begitu bersikap lembut terhadap golongan anasir-anasir subversif dan kominis. Namun mereka tidak sedikit pun mempunyai sifat-sifat peri kemanusiaan melakukan kekejaman mengikut hawa nafsu semata-mata.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk menggesa supaya dari sekarang dengan tidak berlengah-lengah lagi bagi menambahkan kekuatan anggota-anggota pasukan keselamatan, terutamanya bagi anggota Polis di semua tempat di seluruh negara ini supaya kedudukan rakyat tidak menjadi sasaran anasir subversif dan kominis yang senantiasa mencari jalan dengan tipu muslihatnya untuk melakukan kekejaman. Di samping itu kawalan yang lebih ketat hendaklah diadakan di semua tempat pasukan keselamatan terutamanya di Balai Polis serta camp dan juga tempat-tempat yang diperlukan supaya tidak menjadi sasaran anasir-anasir subversif dan kominis.

Tuan Yang di-Pertua, serangan agen-agen kominis terhadap Briged Pasukan Polis Hutan, misalnya di Ibu Kota ini merupakan trajidi yang sangat menyedihkan, mudah-mudahan perkara itu tidak akan berulang lagi di tempat-tempat lain.

Melalui Dewan yang mulia ini, saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada keluarga-keluarga yang terlibat dengan serangan agen kominis yang tidak bertanggungjawab itu. Sudah sepatutnya setiap lapisan rakyat yang mahu melihat negara ini berada di dalam keadaan aman dan damai serta berbaik-baik antara satu golongan dengan satu golongan

kaum yang lain hendaklah mengutuk serangan itu serta lain-lain ancaman yang bertujuan hendak memecah-belahkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat-sangat kesal kerana setengah-setengah pihak-pihak Pembangkang hanya membisu seribu bahasa terhadap serangan kejam serta ancaman lain pada masa-masa yang lampau. Golongan pihak-pihak Pembangkang nampaknya lebih mementingkan kedudukan mereka masing-masing dari kedudukan negara sendiri. Sebagai Pembangkang yang sihat sudah sepatutnya mereka berdiri di belakang Kerajaan bagi menghadapi sebarang ancaman yang bertujuan hendak menimbulkan huru-hara dan kacau-bilau di negara ini. Pihak-pihak Pembangkang sudah sepatutnya mengubah fikiran bahawa keselamatan negara sahajalah yang akan menjamin kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan melalui pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah keselamatan negara ini juga, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini, iaitu perlunya anggota-anggota Polis ditambah di Balai-balai Polis yang terdapat di seluruh negeri ini supaya kekuataannya seimbang dengan kedudukan negara, dengan pertambahan penduduk-penduduk yang semakin pesat sekarang ini. Desakan ataupun gesaan ini telah pun saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini juga pada 7hb November, 1974 semasa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana merasmikan Mesyuarat Penggal Pertama, Parlimen Keempat. Misalnya, saya sebutkan kedudukan anggota-anggota Polis bagi Negeri Johor mengikut kekuatan keanggotaannya masih lagi mengikut sebagaimana keanggotaan perjawatan bagi tahun 1968, yang mana pada ketika itu penduduk-penduduk bagi Negeri Johor hanya lebih kurang 800,000 orang, tetapi pada hari ini jumlah penduduk-penduduk bagi Negeri Johor telah meningkat kira-kira 1.4 juta orang sedangkan keanggotaan Pasukan Polis tidak bertambah, malahan yang sudah bersara ataupun berhenti atau meninggal dunia tidak berganti.

Kedudukan anggota-anggota Polis dan Balai-balai Polis, misalnya, di Tampoi, Johor Bahru, Kulai serta Senai termasuk juga kawasan pilihanraya saya seperti di

Tiram dan Masai penduduk-penduduknya bertambah berlipat-ganda kerana adanya pembangunan yang semakin rancak, tetapi bilangan anggota Polis masih lagi di dalam keadaan keanggotaan perjawatan bagi tahun 1968. Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kementerian yang berkenaan memberikan perhatian yang utama bagi menambatkan kekuatan keanggotaan Polis ini di tempat-tempat yang saya katakan itu serta lain-lain tempat di seluruh negara supaya tempat-tempat itu mempunyai satu kekuatan tenaga dan mampu menghadapi sebarang tugas dan tanggungjawab mahupun ancaman dari pihak-pihak yang mahu menimbulkan huru-hara dan kacau-bilau. Kita tidak mahu bila berlaku sesuatu hal barulah hendak mengambil langkah yang tertentu. Kita hendaklah benar-benar menyediakan payung sebelum hujan, bukan setelah hujan ribut, baru hendak mencari payung. Di samping itu kawalan Keselamatan di Sempadan hendaklah dilipat-gandakan bagi menghadapi gerila-gerila kominis yang semenjak ke belakangan ini kita dapat saksikan tentang kegiatan-kegiatannya yang semakin bertambah. Peralatan senjata-senjata moden hendaklah disediakan dengan secepat mungkin untuk diperlengkapkan kepada Pasukan Keselamatan bagi menghadapi imbalan anasir-anasir kominis yang mana saya difahamkan mempunyai kelengkapan senjata yang moden. Senjata-senjata yang lapuk bagi anggota Polis yang tidak boleh dipakai hendaklah diganti dengan senjata moden juga.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah kerjasama gerakan memburu gerila-gerila kominis di Sempadan Malaysia-Thai, Kerajaan hendaklah sentiasa mencari jalan dan ikhtiar melalui Jawatankuasa Keselamatan Sempadan, berikhtiar mencari kata sepakat bagaimana untuk menghapuskan kegiatan kominis-kominis di sempadan itu. Gerakan bersama yang lebih kuat, erat dan teratur akan menjamin keselamatan kedua-dua pihak yang sama-sama menghadapi ancaman yang serupa. Saya juga suka mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Tabung Amanah Perwira Negara juga memainkan peranan yang penting terutama sekali bagi mengadakan biasiswa dan dermasiswa sendiri supaya dapat menampung atau memberikan pertolongan dan kemudahan kepada anak-anak Pasukan Keselamatan yang kurang mampu atau tidak

mampu mendapat pelajaran hingga ke peringkat yang mereka mampu. Saya rasa inilah satu-satunya cara untuk Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang penuh bukan sahaja dari segi kebajikan anggota-anggota Pasukan Keselamatan, malah kepada anak-anak Pasukan Keselamatan sendiri samada yang masih lagi berbapa ataupun kehilangan tempat pergantungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana dapat menyediakan satu sumbangan kepada balu-balu Pasukan Keselamatan yang telah terkorban iaitu sebanyak \$10,000 kerana dengan sumbangan sebanyak itu sekurang-kurangnya dapatlah para-para balu bekas Pasukan Keselamatan itu mengorak langkah untuk terus hidup samada menjalankan perniagaan ataupun membeli kebun-kebun kecil bagi diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk merayu kepada Kerajaan samada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat supaya mengadakan kawalan keselamatan di pejabat-pejabat Kerajaan dari menjadi sasaran anasir-anasir komunis yang tidak mempunyai peri kemanusiaan dari melakukan serangan ke atas pejabat-pejabat Kerajaan yang berkenaan. Kita pernah mendengar melalui lapuran-laporan akhbar tempatan adanya ancaman-ancaman bom-bom jangka di pasang di pejabat-pejabat Kerajaan oleh pihak-pihak anti-Kerajaan yang bertujuan hendak menimbulkan satu kecemasan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan sendiri dan dengan itu segala kerja untuk urusan negara akan tergendala. Sekalipun perkara itu, boleh jadi, dibuat-buat sahaja dan bom jangka yang dikatakan itu sebagai palsu, namun begitu kita tidaklah boleh pandang ringan, kerana mungkin pada suatu ketika bom-bom betul akan dipasangkan di bangunan-bangunan Kerajaan untuk dimusnahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bagaimana perkara ini berlaku di Jabatan Cetak Kerajaan Johor Bahru di dalam bulan puasa dan juga bangunan Majlis Bandaran Johor Bahru pada 22hb Oktober, 1975 yang lalu di mana para pekerja, pegawai-pegawai Kerajaan dan kakitangan-kakitangan menjadi gempar kerana dikatakan bom jangka dipasang di bangunan tersebut dan akan me-

musnahkan bangunan-bangunan. Pada pendapat saya, adalah perlu bangunan-bangunan Kerajaan itu diadakan pasukan kawalan keselamatan sendiri dengan dibekalkan senjata-senjata kepada mereka. Selain daripada itu, pihak pasukan keselamatan juga perlu mengawal dan mengawasi di atas perkara-perkara yang telah menjadi satu perkara yang kita sendiri tidak ingini akan timbul apabila kekacauan berlaku di sesuatu tempat itu. Kita tidak boleh berdiam dan sekarang kekerasan dan ancaman mestilah ditentang dengan kekerasan. Orang-orang yang tidak bertanggungjawab sentiasa mencari jalan untuk menimbulkan keadaan kelam-kabut.

Mengenai dengan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975 sebagaimana yang telah diwartakan baru-baru ini, saya suka mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana telah sedar perlunya kuasa-kuasa keselamatan itu diadakan yang tidak lain dan tidak bukan untuk keamanan dan kesejahteraan rakyat yang berbagai-bagai keturunan di negara ini. Sungguhpun kita tahu hanya beberapa pihak yang tertentu daripada parti-parti Pembangkang sahaja yang tidak ingini melihat Peraturan-peraturan Perlu itu dilaksanakan sehinggakan telah sanggup mengusulkan satu motion supaya Peraturan-peraturan Perlu dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara Peraturan-peraturan Perlu ini, saya menyokong penuh serta meletakkan penuh harapan kepada Kerajaan agar mempunyai keyakinan bahawa pihak-pihak yang bertanggungjawab yang menjalankan serta melaksanakan Peraturan-peraturan Perlu ini yang terletak di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan dapat melaksanakan dengan begitu tegas kepada golongan-golongan yang hendak menimbulkan kekacauan dan huru-hara terhadap negara ini supaya dapat diambil tindakan yang segera tanpa berlengah-lengah dan ragu-ragu. Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, janganlah segan dan silu, jangan bimbang dan takut, jangan ada mempunyai darah gemuruh dan gentar apa yang perlu dan mustahak ialah tindakan tegas terhadap petualang-petualang jahat. Tiap-tiap kekerasan mesti di tentang dengan kekerasan dan Peraturan-peraturan Perlu itu telah kena pada tempatnya. Saya juga akan berharap supaya Peraturan-peraturan Perlu itu dapat

dilaksanakan secara menyeluruh termasuk mereka yang melakukan perbuatan jenayah bersenjata. Saya merasa kesal kerana ada golongan rakyat yang tidak berasa senang dengan Peraturan-peraturan Perlu itu dan Kerajaan hendaklah jangan bertolak-ansur terhadap mereka yang semata-mata memikirkan kepentingan diri masing-masing. Kerajaan Barisan Nasional yang mendapat mandat dari rakyat tidak mahu melihat negara ini yang penduduknya terdiri daripada berbilang-bilang kaum dan ugama menjadi huru-hara dan kacau-bilau dan berlakunya perpecahan kerana adanya golongan-golongan yang tidak senang dengan keamanan, kesejahteraan dan juga keharmonian bagi negara Malaysia kita ini. Saya percaya kerana setiap langkah Kerajaan untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan serta meneruskan segala apa rupa bentuk rancangan pembangunan tetap mendapat sambutan dari sebahagian besar rakyat jelata yang telah memberi mandat kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil perhatian di dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan lawatan-lawatan yang dibuat oleh para-para Menteri di sesuatu kawasan atau ke negeri-negeri yang difikirkan hendak membuat lawatannya dengan secara rasmi hendaklah pihak yang bertanggungjawab menjalankan serta mengadakan kawalan-kawalan yang rapi kepada para-para Menteri. Sebab, saya sendiri terdapat di dalam bulan yang lalu di mana Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru di dalam lawatan rasminya di kawasan pilihanraya saya sendiri pada 17hb Oktober, 1975, langsung tidak ada pasukan keselamatan yang mengawal di sekelilingnya. Begitu juga semasa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri ke kawasan pilihanraya saya kerana menghadiri perjumpaan Hari Raya pada 16hb Oktober, 1975 terdapat juga tidak mempunyai kawalan yang rapi. Kawalan bukan tidak ada—ada, tetapi anggota-anggota pasukan Polis nun jauh daripada tempat kawalan yang patut dibuat di sekeliling Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sedangkan di sekeliling Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh dikatakan berkerumun ramainya manusia yang kita sendiri tidak kenal.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya yang paling anih sekali bagi diri saya ialah ketibaan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ke kawasan pilihanraya saya juga untuk menghadiri perjumpaan Hari Raya bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, langsung tidak ada kawalan, tiba-tiba sahaja terjengul keluar daripada kereta. Inilah keadaan yang patut pihak berkenaan mengambil perhatian yang berat. Kalau berlaku sesuatu perkara yang kita tidak ingini tentulah keadaan kacau-bilau akan terjadi dan tentulah keadaan pada ketika itu juga tidak akan senang di sekeliling tempat Menteri-menteri yang berkenaan melawat.

Saya juga sangat berharap supaya kawalan yang rapi juga perlu diadakan sebagaimana saya katakan tadi kepada Menteri-menteri yang membuat lawatan-lawatan rasmi. Di samping itu inginlah juga saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pasukan RELA yang telah ditubuhkan di bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang banyak ditubuhkan di segenap pelusuk di dalam negara kita ini juga hendaklah dilengkapi dengan senjata-senjata moden, kerana saya percaya ahli-ahli RELA ini akan tetap dapat memberikan sumbangan kepada negara, rakyat serta dapat juga memberikan kerjasama yang erat bukan sahaja kepada Kerajaan bahkan seluruh masyarakat yang ada di dalam negara kita.

Satu lagi perkara mustahak yang patut diambil perhatian ialah untuk membesarkan lagi Polis-polis Ronda Laut sebagai menguatkan pasukan Polis Laut. Di samping itu, Kerajaan hendaklah juga mengikut perkembangan Kerajaan-kerajaan di negara-negara lain yang telah ada mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia supaya mereka juga tidak mencampuri hal-ehwal rumah-tangga negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat tahu melalui lapuran-lapuran yang kita sendiri boleh dengar ada pihak-pihak negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia memberikan sokongan samada secara langsung atau tidak langsung dengan Parti Komunis Malaya dan perbuatan mereka itu sangatlah mendukacitakan. Di dalam hal ini Kerajaan hendaklah berhati-hati terhadap perkara itu jangan

sampai kepada peringkat yang lebih buruk dan mengancam keselamatan negara. Saya tidaklah berhajat untuk menerangkan negara mana yang dimaksudkan, tetapi saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentulah sedia maklum di dalam hal ini. Perisytiharan Kuala Lumpur untuk menjadikan rantau ini sebagai kawasan aman damai hendaklah diterima oleh negara-negara yang hendak menyokongnya dengan hati yang tulus ikhlas dan fikiran terbuka tanpa mencampuri hal-ehwal rumah-tangga sesebuah negara termasuk negara kita Malaysia. Tiap-tiap negara hendaklah benar-benar menerima dasar perkecualian itu dan soal rumah-tangga sesebuah negara biarlah diselesai dan ditadbirkan oleh negara-negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelajaran pula, suka saya menyentuh serta menarik perhatian Dewan yang mulia ini bagi menyatakan rasa amat kesal terhadap sikap segolongan kecil penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di Australia mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan semasa Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita membuat lawatan ke negeri itu baru-baru ini. Saya berpendapat sikap segolongan kecil penuntut-penuntut yang mengadakan tunjuk perasaan itu sebagai menghina pemimpin-pemimpinnya sendiri dan juga Malaysia amnya. Sepatutnya mereka mestilah mempunyai perasaan bangga dapat bersua muka dengan Perdana Menteri sendiri, sebaliknya mereka mungkin dihasut oleh pihak-pihak lain untuk melakukan perbuatan terkutuk dan keji itu. Perbuatan mereka tidak mendapat sambutan atau sokongan sebahagian besar rakyat yang ada di dalam negara kita dan tindakan mereka mestilah dikutuk oleh segenap lapisan masyarakat dari semua kaum yang ada di dalam negara kita. Dalam masaalah ini juga saya berpendapat bahawa sikap pihak berkenaan Kerajaan Australia juga patut disalahkan kerana membiarkan penunjuk-penunjuk perasaan melakukan tunjuk perasaan terhadap ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di lapangan terbang negeri itu tanpa menyekat atau mengambil tindakan tertentu terhadap penuntut-penuntut yang mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan. Melalui akhbar-akhbar tempatan juga dapat diketahui bahawa tunjuk perasaan terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diadakan

semasa beliau melawat di beberapa tempat yang lain. Sepatutnya Kerajaan Australia telah siap sedia atau menghalang sebarang tunjuk perasaan yang hendak diadakan oleh segolongan kecil para pelajar Malaysia yang menuntut di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan Australia memandang berat dalam masaalah tunjuk perasaan penuntut-penuntut Malaysia ini bukan hanya setakat meminta maaf sahaja kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita malah membuat satu peraturan tetap terhadap penuntut-penuntut luar khususnya dari Malaysia supaya tidak melakukan sebarang perbuatan yang bertentangan dengan keadaan di negara itu kalau kedatangan penuntut-penuntut di negeri itu semata-mata bertujuan untuk mencari ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga di tempat yang sama iaitu di Australia dan New Zealand baru-baru ini telah dapat menjalinkan hubungan yang erat antara ketiga negara dan negara-negara tersebut hendaklah memahami dengan secara mendalam kedudukan negara Malaysia yang sebenarnya terhadap sikap para pelajar Malaysia di sana, kerana kita tidak mahu hubungan baik itu akan terjejas dengan sebab adanya perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh sebilangan kecil daripada pelajar-pelajar yang datang daripada negara Malaysia kita sendiri. Perkara ini, saya telah mencadangkan serta membangkitkan juga di dalam Dewan yang mulia ini pada 7hb November, 1974 supaya Kerajaan bertindak tegas terhadap pelajar-pelajar di kedua buah negara iaitu di Australia dan New Zealand yang melakukan sikap liar dan untuk memburuk-burukan imej negara kita yang kita cintai sebelum suatu keadaan yang lebih buruk terjadi, tetapi perkara ini belum setahun selepas saya mengingatkan Kerajaan kejadian yang terkutuk ini telahpun berlaku di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang sepatutnya tidak boleh dimaafkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini di dalam Dewan yang mulia ini bagi kali yang kedua saya membangkitkan perkara yang serupa ini juga supaya Kerajaan hendaklah membuat penyiasatan yang rapi, yang teliti dan serious dengan lebih mendalam lagi terhadap penuntut-penuntut di kedua buah

negara itu dan bertindak tegas terhadap pelajar-pelajar yang melakukan perbuatan liar dan keji. Janganlah nanti sampai kali yang ketiga mengingatkan Kerajaan barulah pihak Kerajaan hendak bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, bersama-samalah kita berharap samada Kerajaan Australia mahupun Kerajaan negara-negara lain . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, perkara detail semacam itu boleh dibincangkan dalam masa perbahasan Jawatankuasa, sekarang cuba tumpukan kepada dasar am Kerajaan dan pentadbiran.

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Malaysia juga hendaklah menghubungi pusat-pusat pengajian di sesebuah negeri tentang kegiatan pelajar-pelajar di negara itu. Ini rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, kiranya terdapat kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh seseorang pelajar itu bertentangan dengan negara Malaysia, maka kita patutlah meminta pihak yang berkuasa pusat pengajian itu memerintahkan supaya keluar dari pusat pengajian dan diperintahkan pulang dengan memberitahu melalui Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masaalah perumahan, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru serta badan-badan berkanun seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, UDA dan sebagainya yang telah dapat mengadakan projek perumahan untuk membolehkan rakyat yang tidak berumah memiliki sebuah rumah di tempat-tempat yang tertentu sebagai tempat mereka berteduh. Di dalam perkara ini, saya suka menarik perhatian Kerajaan perlunya mencari jalan membuat atau mengenakan satu syarat kepada pengusaha-pengusaha swasta supaya rumah-rumah yang dibina itu mampu dibeli oleh rakyat yang berpendapatan rendah.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum kebanyakan rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta ialah untuk orang-orang yang berpendapatan tinggi sedangkan sebahagian besar rakyat di negara ini adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan. Maka saya rasa pihak pengusaha-pengusaha perumahan swasta itu memang sepatutnya dikenakan syarat supaya mereka dapat membina rumah-rumah murah untuk rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk melahirkan satu masyarakat berbilang kaum dan perpaduan yang lebih kukuh dan erat, maka rasa saya sudah sampai masanya bagi pengusaha-pengusaha perumahan swasta mengambil satu langkah memperbaiki keadaan sesuatu projek perumahan yang dilaksanakan samada rumah-rumah berderet atau rumah-rumah sebuah ataupun flat-flat supaya mereka itu mampu membeli rumah-rumah yang datangnya daripada rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya di samping pihak pengusaha perumahan di kalangan swasta itu mencari keuntungan, kita juga berharap kepada mereka sebagai rakyat negara ini tidak melupakan golongan yang memerlukan pertolongan dari mereka iaitu rumah tempat tinggal yang lebih selesa dengan harga yang termampu bagi mereka.

Selain daripada itu, Kerajaan patutlah melalui Kementerian Buruh supaya pihak berkuasa ladang-ladang persendirian atau perkongsian mengadakan satu sekim perumahan untuk dijual kepada pekerja-pekerjanya termasuk mereka yang hendak bersara yang akan berhenti atas kemahuannya bagi menjamin masa hadapan mereka. Langkah ini akan membantu serta meringankan beban Kerajaan dan pihak swasta terhadap masaalah perumahan.

Pengusaha-pengusaha ladang janganlah semata-mata untuk mencari serta memerah tenaga pekerja-pekerja sedangkan kebajikan masa depan mereka tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Kalau undang-undang

ataupun peraturan-peraturan belum ada dibuat, kerana undang-undang itu adalah kita yang membuatnya, sudahlah gaji tidak se-timpal dengan tenaga yang digunakan, jaminan hidup masa depan pun tidak ada. Oleh yang demikian

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Panjang lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh sambung pada hari esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 11hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.